

## IMPAK STATUS SOSIO-EKONOMI KELUARGA TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR DALAM SUBJEK EKONOMI ASAS

**Normala binti Zulkifli**

Universiti Pendidikan Sultan Idris  
normal@fpe.upsi.edu.my

**Shahrin Nizam bin Abdul Aziz**

Universiti Pendidikan Sultan Idris  
shahrin@fpe.upsi.edu.my

**Norimah binti Rambeli@Ramli**

Universiti Pendidikan Sultan Idris  
norimah@fpe.upsi.edu.my

### ABSTRAK

*Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau impak status sosio-ekonomi (SSE) keluarga terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas. Sampel kajian ini terdiri daripada 600 orang pelajar tingkatan empat yang mengambil subjek Ekonomi Asas di beberapa buah sekolah menengah di daerah Bentong Pahang. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik untuk mengumpul data. Analisis deskriptif digunakan untuk mengenalpasti impak factor-faktor SSE keluarga iaitu pendapatan ibu-bapa, pendidikan ibu-bapa, pekerjaan ibu-bapa, kemudahan keluarga, lokasi kediaman, dan saiz keluarga terhadap pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi Asas. Selain itu, kajian ini juga mengenalpasti perbezaan pencapaian pelajar dalam subjek ini berdasarkan faktor-faktor SSE keluarga. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pendapatan ibu-bapa mempunyai impak yang dominan terhadap pencapaian pelajar, diikuti oleh tahap pendidikan ibu-bapa, lokasi kediaman dan saiz keluarga. Manakala, faktor status pekerjaan ibu-bapa dan kemudahan di rumah didapati tidak mempunyai impak kepada pencapaian pelajar dalam subjek ini. Di samping itu, kajian juga mendapati bahawa tahap pendapatan yang tinggi dan tahap pendidikan yang tinggi di kalangan ibu-bapa pelajar memberi impak yang positif kepada pencapaian pelajar.*

**Kata kunci:** *Status Sosio-ekonomi, pencapaian pelajar, Ekonomi Asas.*

---

### 1. Pengenalan

Pencapaian subjek Ekonomi Asas (EA) adalah kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan dua lagi subjek elektif kemanusiaan iktisas seperti subjek Perdagangan (PD) dan Prinsip Perakaunan (PA). Jadual 1 menunjukkan purata peratus lulus bagi subjek EA, PD dan PA di peringkat SPM bagi tempoh 2000 hingga 2009. Di dapati bahawa purata peratus lulus bagi subjek EA dalam jangka masa sepuluh tahun tersebut adalah paling rendah iaitu hanya 63% berbanding subjek PD (69%) dan PA (76%). Berdasarkan kajian lepas, prestasi yang rendah dalam subjek EA ini adalah berpunca daripada faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman seperti pencapaian lalu, minat dan sikap merupakan penyumbang utama kepada kelemahan pelajar, manakala faktor luaran seperti faktor rakan sebaya dan faktor keluarga turut

mempengaruhi kelemahan pelajar dalam subjek EA di peringkat SPM (Hussin, 2000; Md-Amin, 2007; Abdul-Aziz & Zulkifli, 2014).

**Jadual 1: Purata peratus lulus bagi subjek Ekonomi Asas, Perdagangan, dan Prinsip perakaunan peringkat SPM bagi Tahun 2000 hingga 2009**

Subjek	Purata Kelulusan (%)
Ekonomi Asas	63
Perdagangan	69
Prinsip Perakaunan	76

Sumber: KPM (2010)

Selain itu, faktor status sosial ekonomi juga merupakan penyumbang yang besar kepada pencapaian pelajar dalam akademik (Abdul Rahim, 1997). Namun begitu, terdapat juga kajian yang mendapati bahawa faktor ini tidak memberi impak kepada pencapaian pelajar (Hamdan 1989). Oleh yang demikian, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji impak faktor SSE keluarga terhadap pencapaian pelajar dalam subjek EA di Sekolah-Sekolah terpilih di daerah Bentong, Pahang. Fokus kajian hanya ditumpukan kepada faktor SSE keluarga yang terdiri daripada tahap pendidikan ibu-bapa, status pekerjaan ibu-bapa, pendapatan ibu-bapa, saiz keluarga, lokasi kediaman dan kemudahan di rumah.

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor SSE keluarga yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam subjek EA. Secara khusus kajian ini bertujuan untuk: (1) mengenalpasti faktor SSE keluarga yang dominan dalam mempengaruhi pencapaian pelajar dalam subjek EA. (2) Mengetahui perbezaan pencapaian pelajar dalam subjek EA berdasarkan kepada faktor SSE keluarga yang memberi impak penting kepada pencapaian pelajar dalam subjek EA.

## 2. Tinjauan literatur

Kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar telah banyak dijalankan terutamanya di Malaysia. Kebanyakan kajian tersebut mendapati bahawa SSE keluarga merupakan salah satu faktor yang memberi impak kepada pencapaian pelajar. Dalam kajian ini, SSE keluarga merujuk kepada faktor-faktor seperti pendidikan ibu-bapa, pekerjaan ibu-bapa, pendapatan ibu-bapa, saiz keluarga, lokasi kediaman serta kemudahan di rumah.

Faktor SSE keluarga seperti pendidikan, pekerjaan dan pendapatan ibu-bapa sangat mempengaruhi pencapaian pelajar (Hanafi, 2008). Selain itu, tahap status SSE yang berbeza memberi impak yang berbeza terhadap pencapaian akademik pelajar, contohnya, pelajar yang mempunyai status SSE keluarga yang tinggi cenderung memperoleh pencapaian yang cemerlang berbanding pelajar yang mempunyai status SSE yang rendah (Haron, 1977). Menurut kajian Noraini (1989) dan Tajudin (1999), tahap pendidikan ibu-bapa mempengaruhi penglibatan mereka dalam aktiviti bersama anak-anak dengan meluangkan lebih masa untuk memberi tunjuk ajar dan memeriksa kerja sekolah. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pendidikan ibu-bapa, semakin tinggi penglibatan mereka dalam mendidik anak. Ini adalah kerana mereka mempunyai kemampuan untuk membantu anak mereka menyelesaikan masalah dalam pembelajaran melalui pengalaman sedia ada. Selain itu, tahap pendidikan ibu-bapa yang

tinggi mempunyai hubungan positif dengan kecekapan berkomunikasi dengan anak-anak (Jacquelyn et al., 2005). Manakala, Hijazi dan Naqvi (2006), mendapati bahawa pendidikan ibu mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap pencapaian pelajar kerana sesetengah pelajar lebih rapat dengan ibu mereka daripada bapa. Selain pendidikan ibu-bapa, status pekerjaan serta tahap pendapatan ibu-bapa merupakan juga mempengaruhi pencapaian pendidikan akademik seseorang pelajar (Arshat dan Baharuddin, 1999).

Pencapaian seseorang pelajar juga dipengaruhi oleh saiz keluarga (Ali, 1999). Ini kerana saiz keluarga yang besar menyebabkan ketidakselesaan untuk mengulangkaji pelajaran semasa di rumah. Kenyataan ini disokong oleh Arshat (2001) dan Baharudin et al. (2003) di mana mereka mendapati bahawa persekitaran, dorongan serta kemudahan pembelajaran yang disediakan oleh ibu-bapa memberi kesan langsung terhadap pencapaian pendidikan seseorang pelajar. Yucel (2007) menunjukkan terdapat hubungan positif yang ketara apabila bilangan adik-beradik dua orang manakala bilangan adik-beradik meningkat sehingga empat atau lima orang menunjukkan hubungan negatif yang signifikan terhadap pencapaian mereka.

Masduki (1997) mendapati bahawa kemudahan pembelajaran yang disediakan di rumah seperti peralatan belajar, komputer atau laptop, kerusi dan meja belajar, serta buku-buku rujukan tambahan mempunyai impak terhadap pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang tinggal dalam situasi persekitaran yang baik, lengkap dengan kemudahan didapati mempunyai kualiti hidup yang tinggi dan lebih sempurna berbanding pelajar yang tidak mempunyai kemudahan di rumah. Lokasi kediaman juga di percayai mempunyai pengaruh terhadap pencapaian seseorang pelajar. Pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar dikategorikan dalam kumpulan SSE keluarga yang rendah dan sering menghadapi masalah untuk mendapatkan kemudahan seperti kelas tambahan dan sebagainya. Sebaliknya, pelajar yang tinggal di bandar dikategorikan dalam kumpulan SSE keluarga yang tinggi dan cenderung memiliki segala kemudahan pembelajaran di rumah.


### 3. Metodologi, dapatan kajian, dan perbincangan

#### 3.1 Metodologi

Responden kajian terdiri daripada 600 orang pelajar Ekonomi Asas di beberapa buah sekolah menengah kebangsaan harian sekitar daerah Bentong, Pahang.

#### 3.2 Kerangka Kajian

**Rajah 1: Kerangka kajian**



Untuk mengkaji impak factor SSE keluarga terhadap pencapaian pelajar dalam subjek EA, kajian ini mengutarakan 6 pembolehubah SSE keluarga seperti yang digambarkan dalam Rajah 1. Faktor SSE seperti pendapatan dan pendidikan ibu-bapa, kemudahan di rumah, lokasi kediaman dan saiz keluarga dipercayai mempengaruhi pencapaian pelajar. Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk tujuan pengumpulan data. Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A (latar belakang responden) dan bahagian B (faktor-faktor SSE).

### 3.2 Dapatan kajian

#### 3.2.1 Latar belakang responden

Jadual 2 menunjukkan taburan responden dari aspek jantina, bangsa, dan lokasi kediaman. Majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan iaitu seramai 53% berbanding pelajar lelaki iaitu seramai 47%. Manakala, mengikut bangsa pula, majoriti pelajar terdiri daripada bangsa melayu iaitu seramai 42%, diikuti pelajar cina seramai 36%. Bilangan responden dalam kalangan pelajar India hanya seramai 21.5%. Bagi aspek lokasi kediaman pula, majoriti pelajar tinggal di kawasan luar bandar iaitu seramai 57% berbanding pelajar yang menetap di bandar iaitu seramai 43%.

**Jadual 2: Taburan responden mengikut jantina, bangsa, dan lokasi kediaman**

		Peratus (%)
Jantina	Lelaki	47
	Perempuan	53
Bangsa	Melayu	42
	Cina	36
	India	22
Lokasi kediaman	Bandar	43
	Luar bandar	57

#### 3.2.2 Impak faktor SSE keluarga terhadap pencapaian pelajar dalam subjek EA

Nilai skor min dibandingkan untuk menentukan impak bagi setiap faktor SSE terhadap pencapaian pelajar dalam subjek EA. Pemilihan impak utama dibuat berdasarkan kepada nilai min yang paling rendah. Nilai min kurang daripada 3.00 menunjukkan bahawa responden bersetuju pembolehubah yang dikaji mempengaruhi pencapaian pelajar dalam subjek EA. Sebaliknya, nilai min lebih besar daripada 3.00 menunjukkan responden bersetuju bahawa pembolehubah yang dikaji tidak memberi impak kepada pencapaian pelajar dalam subjek EA. Berdasarkan Jadual 3, pendapatan ibu-bapa (min = 2.59) merupakan faktor SSE keluarga yang paling dominan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam subjek ini, diikuti oleh faktor lain seperti pendidikan ibu-bapa (min = 2.78), lokasi kediaman (min = 2.88) dan saiz keluarga (min = 2.90). Manakala, kajian mendapati bahawa faktor status pekerjaan ibu/bapa (min = 3.15) dan kemudahan di rumah (min = 3.09) tidak memberi impak kepada pencapaian pelajar dalam subjek ini.

**Jadual 3: Impak faktor SSE keluarga terhadap pencapaian pelajar dalam subjek EA**

<b>Faktor SSE keluarga</b>	<b>Min</b>
Pendapatan ibu-bapa	2.59
Pendidikan ibu-bapa	2.78
Status pekerjaan ibu/bapa	3.15
Saiz keluarga	2.90
Lokasi kediaman	2.88
Kemudahan di rumah	3.09


### 3.2.3 Perbezaan pencapaian pelajar berdasarkan faktor SSE keluarga

Bahagian ini membincangkan perbezaan tahap prestasi pelajar dalam subjek EA berdasarkan kepada 4 faktor SSE keluarga yang didapati memberi impak penting kepada pencapaian pelajar dalam subjek EA. Pencapaian pelajar dibahagikan kepada tiga katogori utama iaitu, cemerlang (gred A-C), lulus (gred D&E), dan gagal (gred G) dalam subjek EA.

#### 3.2.3.1 Pendapatan ibu-bapa

Pendapatan ibu-bapa dibahagikan kepada 3 kategori iaitu, rendah (kurang dari RM 1,500 sebulan), sederhana (RM 1,501-RM 3,000 sebulan), dan tinggi (melebihi RM 3,000 sebulan). Rajah 2 menunjukkan peratus pencapaian pelajar dalam subjek EA mengikut tahap pendapatan ibu-bapa. Bagi kategori pendapatan tinggi, peratusan yang tertinggi iaitu (72%) adalah bagi pencapaian cemerlang, ini diikuti pencapaian lulus (23%). Hanya sebilangan kecil pelajar gagal (5%) dalam subjek EA bagi kategori ini. Tren yang sama ditunjukkan untuk kategori ibu-bapa berpendapatan sederhana dengan 42 % pelajar cemerlang, diikuti 35% pelajar lulus dan 23% pelajar gagal dalam subjek EA. Manakala, bagi ibu-bapa berpendapatan rendah pula memperlihatkan tren yang berbeza. Majoriti pelajar dari kategori ini gagal dalam subjek EA iaitu sebanyak 39%, diikuti dengan pelajar lulus iaitu 36%, dan hanya 25% pelajar mendapat cemerlang dalam subjek EA.


**Rajah 2: Peratus pencapaian pelajar dalam subjek EA berdasarkan tahap pendapatan ibu-bapa**



### 3.2.3.2 Pendidikan ibu-bapa

Rajah 3 menunjukkan perbezaan prestasi pelajar dalam subjek EA berdasarkan tahap pendidikan ibu/bapa. Tahap pendidikan ibu/bapa dikategorikan kepada tinggi (kelulusan kolej/universiti), sederhana (kelulusan sekolah menengah), rendah (kelulusan sekolah rendah), dan tidak formal. Berdasarkan Rajah 3, majoriti pelajar memperoleh cemerlang dalam subjek EA tanpa mengira tahap pendidikan ibu/bapa mereka. Peratus kedua tertinggi adalah pencapaian lulus bagi kategori ibu/bapa berkelulusan tinggi, sederhana dan rendah. Didapati bahawa tahap pendidikan ibu/bapa sangat mempengaruhi peratus kegagalan pelajar dalam subjek ini. Semakin tinggi tahap pendidikan ibu/bapa, semakin rendah peratus pelajar yang gagal dalam subjek EA. Sebagai contoh, peratus tertinggi pelajar gagal dalam subjek ini adalah dari kategori ibu/bapa yang tidak mendapat pendidikan secara formal/ tidak mempunyai kelulusan iaitu sebanyak 32% berbanding peratus pelajar gagal dalam EA dari kategori ibu/bapa berkelulusan kolej/universiti iaitu hanya berjumlah 10%.


**Rajah 3: Peratus pencapaian pelajar dalam subjek EA berdasarkan tahap pendidikan ibu/bapa**



### 3.2.3.3 Lokasi kediaman

Rajah 4 pula menunjukkan perbezaan prestasi pelajar EA berdasarkan lokasi kediaman. Di sini lokasi kediaman pelajar dikategorikan kepada dua iaitu bandar dan luar bandar. Berdasarkan Rajah 4, didapati lokasi kediaman pelajar memberi kesan yang ketara terhadap prestasi mereka. Sebagai contoh, majoriti pelajar (iaitu 62%) yang memperoleh markah kategori cemerlang dalam subjek EA duduk di kawasan bandar. Ini berbeza dengan pencapaian pelajar luar bandar di mana peratus cemerlang bagi pelajar luar bandar adalah kurang daripada 50%. Dari segi peratus kegagalan pula, dapatan kajian menunjukkan lebih ramai pelajar yang gagal (iaitu kira-kira 23%) datangnya dari luar bandar berbanding kawasan bandar (iaitu, 16%). Selain itu, peratus pelajar yang memperoleh markah lulus adalah tinggi di kawasan luar bandar berbanding kawasan bandar. Ini menunjukkan bahawa faktor lokasi mungkin menyebabkan mereka yang memperoleh markah lulus ini tidak berupaya mencapai markah cemerlang.


**Rajah 4: Peratus pencapaian pelajar dalam subjek EA berdasarkan Lokasi kediaman**



### 3.2.3.4 Saiz keluarga

Rajah 5 di bawah menunjukkan perbezaan prestasi pelajar EA berdasarkan saiz keluarga. Di sini saiz keluarga telah dibahagikan kepada tiga iaitu keluarga besar (melebihi 8 orang adik-beradik), sederhana (4-7 orang adik-berdik) dan kecil (1-3 orang adik-beradik). Berdasarkan Rajah 4, didapati saiz keluarga turut memberi impak terhadap prestasi pelajar dalam subjek EA. Misalnya, keluarga bersaiz sederhana memperoleh peratus cemerlang yang tertinggi iaitu kira-kira 63% dan dalam masa yang sama juga memiliki peratus gagal yang terendah (10%). Ini berbeza dengan keluarga bersaiz besar, di mana peratus cemerlang adalah yang terendah, iaitu 16% dan peratus gagal yang tertinggi iaitu, 47%. Selain itu, kajian juga mendapati keluarga bersaiz kecil mempamerkan prestasi pertengahan antara keluarga bersaiz sederhana dan keluarga bersaiz besar dari segi peratus cemerlang, peratus lulus dan peratus gagal.

**Rajah 5: Peratus pencapaian pelajar dalam subjek EA berdasarkan Saiz keluarga**



### 3.3 Perbincangan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor SSE keluarga manakah yang mempunyai pengaruh dalam menentukan pencapaian pelajar dalam subjek EA. Hasil kajian mendapati 4 daripada 6 pembolehubah SSE ekonomi yang dikaji telah memberi impak penting kepada pencapaian pelajar dalam subjek ini. Faktor SSE keluarga yang sangat dominan dalam mempengaruhi pencapaian pelajar adalah faktor tahap pendapatan ibu-bapa. Dapatan ini adalah selari dengan beberapa kajian lepas seperti Haron (1977) dan Abdullah et al (1989). Pendapatan yang mencukupi untuk menyara anak-anak dari segi keperluan asas (seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal) adalah perkara utama yang diperlukan oleh anak-anak untuk maju dalam pelajaran. Makanan yang seimbang dengan nutrisi yang mencukupi amat penting bagi membolehkan perkembangan otak kanak-kanak berlaku dengan baik. Selain itu, pakaian yang sesuai dan tempat tinggal yang selesa juga penting untuk mewujudkan yakin diri pelajar di samping keselesaan untuk belajar. Selain itu, persekitaran pembelajaran yang lebih baik dengan bantuan buku rujukan, akses kepada internet dan kelas tambahan kebiasaannya dapat dinikmati oleh pelajar dari kalangan ibu-bapa yang berpendapatan tinggi. Selain itu, faktor SSE keluarga seperti tahap pendidikan ibu/bapa, saiz keluarga dan lokasi kediaman juga turut memberi impak kepada pencapaian pelajar dalam subjek EA.

Dari segi perbezaan tahap pencapaian pelajar dalam subjek EA berdasarkan faktor SSE keluarga didapati bahawa: pertama, semakin tinggi tahap pendapatan ibu-bapa, semakin tinggi peratusan pelajar yang memperoleh prestasi cemerlang dalam EA. Seperti yang telah dibincangkan, pelajar dari kalangan yang berada mendapat sokongan tambahan dari segi bahan dan sumber pembelajaran untuk memperoleh prestasi yang baik. Kedua, semakin tinggi tahap pendidikan ibu/bapa semakin rendah peratusan pelajar yang gagal dalam subjek EA. Ibu/bapa yang berpelajaran atau berkelulusan mempunyai keupayaan untuk membantu anak-anak dalam pelajaran serta mampu merancang masa depan yang lebih baik untuk anak-anak berbanding ibu/bapa yang kurang berpendidikan. Ketiga, tinggal di kawasan bandar memberi impak positif kepada pencapaian pelajar berbanding tinggal di luar bandar. Kawasan luar bandar kebiasaannya ketinggalan dari segi kemajuan dan kemudahan berbanding kawasan bandar. Oleh itu, pelajar luar bandar kurang mendapat kemudahan tambahan seperti akses kepada internet, pusat tuisyen dan lain-lain yang dapat membantu mereka meningkatkan prestasi dalam subjek EA. Keempat, saiz keluarga yang sederhana dan kecil memberi impak positif kepada pencapaian pelajar berbanding saiz keluarga yang besar. Kebiasaannya, pelajar dari kalangan keluarga besar kurang mendapat peluang, perhatian, serta bimbingan daripada ibu-bapa berbanding pelajar dari kalangan keluarga yang bersaiz kecil.

### 4. Kesimpulan, limitasi, dan cadangan

Secara umumnya, kajian ini telah mengenalpasti faktor SSE keluarga seperti tahap pendapatan ibu-bapa, tahap pendidikan ibu-bapa, lokasi kediaman dan saiz keluarga mempunyai impak kepada pencapaian pelajar dalam subjek EA. Di samping itu, impak faktor-faktor ini terhadap pencapaian pelajar adalah pada tahap yang berbeza-beza, di mana faktor tahap pendapatan ibu-bapa adalah sangat dominan berbanding faktor-faktor lain. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Pertama skop kajian adalah terbatas kepada beberapa sekolah menengah di daerah Bentong sahaja. Oleh yang demikian dicadangkan supaya skop kajian ini diperluaskan lagi. Selain itu, kajian ini hanya tertumpu kepada enam pembolehubah yang berkaitan dengan faktor SSE keluarga yang dipercayai memberi impak terhadap pencapaian EA. Oleh yang demikian, kajian yang akan datang diharapkan dapat mengambil kira lebih banyak



lagi faktor-faktor SSE, contohnya aspirasi keluarga dan juga pembolehubah lain seperti tahap komitmen ibu-bapa.

## Rujukan

- Abdul-Aziz, S.N. & Zulkifli, N (2014). *Faktor kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas di peringkat SPM di sekolah-sekolah terpilih di negeri Johor*. E-proceeding of the World Conference on Integration of Knowledge (WCIK2014).
- Arshat, Z. & Baharudin, R. (1999). *Perkaitan Di Antara Faktor Sosio-Ekonomi dan Pencapaian Akademik Anak*. Jurnal Kebajikan. Vol.21 Disember 1999.
- Arshat, Z. (2001). *Kualiti Tingkah Laku Keibubapaan Dan Penyesuaian Tingkah Laku Anak dalam Keluarga Berisiko Di Luar Bandar*. Tesis srjana , Serdang Universiti Putra Malaysia.
- Baharudin, Z., Yaacob, S.N., Kahar, R., Al-hadi, A. & Hamsan, H.H. (2003). *Keluarga dan Penyesuaian Tingkah Laku Kanak-Kanak*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Bakker, J, Denessen, E, & Brus-Laeven, M. (2007). *Socio-Economic Background, Parental Involvement and Teacher Perception of These In Relation to Pupil Achievement*. Educational studies, 33(2), 177-192.
- Hanafi, Z. (2008). *The Relationship between Aspects of Socio-Economic Factors and Academic Achievement*. Jurnal pendidikan, 33, 95-105.
- Haris, J. (1999). *Faktor-Faktor Keluarga Ke Atas Pencapaian Pelajaran Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di Daerah Keningau, Sabah*. Projek Sarjana Muda. UTM.
- Hijazi, T. & Naqvi, R. (2006). *Factors Effecting Student's Performance: A Case of Private Colleges*. Bangladesh e-journal of sociology. 3 (1), 1-10
- Hussin, M (2000). Influence of cognitive style on students' academic achievement. *Jurnal Pendidikan*, Jilid 25.
- Jamal, (1997). *Pendidikan Ibu-Bapa Sebagai Satu Teras*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Jurnal Pendidikan, Jilid. VI oktober 1997.
- Masduki, S (1997). *Motivasi Komitmen dan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah*. Universiti Utara Malaysia: [www.asig.uum.edu.my/research/e-Tesis/pendidikan.cfm](http://www.asig.uum.edu.my/research/e-Tesis/pendidikan.cfm).
- Md-Amin, R (2007). *Pembangunan perisian isi rumah sebagai pengguna bagi pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer Ekonomi Asas Tingkatan 4*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mirza, M. S. (2001). *Relationship of Socio-Economic Stats with Achievement*. Journal Of Elementary Education. 1(4), 18-24.
- Mohd Noor, S. (1992). *Faktor-faktor latar belakang yang berkaitan dengan pencapaian akademik murid darjah satu*. Jurnal pendidik dan pendidikan . Jilid 11, 1992/92.61-69.
- Mohd-Noor, A. (2005). “*Pencapaian Bahasa Inggeris Dan Matematik Serta Kaitan dengan Latar Belakang Sosial Murid: Perspektif Sosiologikal*” dalam *studies in education*. Vol 9, No, 1, 2004. SHBIE, Universiti Brunei Darussalam, muka surat 97- 107.
- Palrol Radzi Mat Ali, (1996). *Kesan Faktor Pekerjaan, Pendidikan Dan Persekitaran Keluarga terhadap Pencapaian Pelajar dalam PMR*. Thesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.
- Tajuddin Ali (1999). *Faktor yang Membawa Kepada Sikap Rajin Belajar Tiong Hua*. [www.idealismahasiswa.net/artikel-harian/feb 2002/14 feb 2003.html](http://www.idealismahasiswa.net/artikel-harian/feb%202002/14%20feb%202003.html).
- Yucel, S. (2007). *An Analysis of the Factors Affecting Student Achievement in Chemistry Lesson*. *World Applied Sciences Journal*. 2 (S), 712-722